



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (17)

Tarikh : 20 November 2019

**Semua Staf**

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi  
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2019:  
PINDAAN HAD MAKSIMUM TUNTUTAN PEMBAYARAN PENSYARAH SAMBILAN  
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling Jabatan Pendaftar ini bertujuan memaklumkan **Pindaan Had Maksimum Tuntutan Pembayaran Pensyarah Sambilan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.**

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa ini kadar pembayaran tuntutan pembayaran Pensyarah Sambilan adalah mengikut Garis Panduan Pengurusan Kewangan Bendahari UPNM 2017 seperti berikut:

Tugasan	Tuntutan Maksimum (RM)	Had Maksimum Sebulan (RM)
Kuliah	100.00 / jam	1,200.00
Tutorial / Amali	50.00 / jam	
Penyediaan Kertas Soalan	100.00 / kursus	
Pemeriksaan Kertas Jawapan Akhir	2.50 / pelajar	

- 2.2 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah menggunakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995 dalam menetapkan had maksimum tuntutan Pensyarah Sambilan.
- 2.3 Pensyarah Sambilan yang dilantik layak menuntut Elaun Perjalanan, Elaun Makan, Elaun Penginapan sekiranya terdapat keperluan Pensyarah Sambilan menggunakan kemudahan tersebut jika ianya dilantik dari luar UPNM.
- 2.4 Melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bil. 2 Tahun 2019 telah meneliti dan mencadangkan supaya had maksimum tuntutan pembayaran Pensyarah Sambilan dinaikkan daripada RM1,200.00 ke RM1,600.00 sebulan.

### 3.0 PELAKSANAAN

Had maksimum tuntutan Pensyarah Sambilan dipinda daripada RM 1200.00 ke **RM 1,600.00 sebulan.**

### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah bersetuju agar pelaksanaan peraturan / dasar baharu ini akan berkuatkuasa mulai **1 Mei 2019.**

## 5.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bilangan 2 Tahun 2019.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UPNM Kali Ke-38 Bilangan 2 Tahun 2019.

## 6.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi / badan melantik yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SARINA BINTI ABDUL RANI**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

